



## Perancangan dan Pemartabatan BAHASA MELAYU

panjang hayat hidup manusia di dunia fana, manusia sebenarnya sentiasa berkomunikasi. Dalam bentuk komunikasi manusia, satu unsur penting yang digunakan bahasa. Bahasa seyogianya memanfaatkan dengan sebaik-baiknya memastikan komunikasi dapat berfungsi dengan lancar dan persis. Begitu, orang yang memahami menganggap bahasa sekadar alat komunikasi sebenarnya baru melihat bahasa dari sudut yang mekanis dan mata.

Bahasa, pada hakikatnya, berfungsi lebih dari itu. Dalam bahasa Melayu, ada konsep seperti "bahasa menunjukkan jati diri", "bahasa jiwa bangsa", dan sebagainya. Ungkapan ini dengan jelas menunjukkan bahawa bahasa mempunyai pengaruh yang rapat dengan peribadi, jati diri dan akhlak. Pemisahan antara elemen bahasa dengan bahasa dapatlah dianggap sebagai suatu fenomena alamiah yang tidak dapat dielakkan.

Suatu perkara yang tidak dapat disangkal ialah aspek lain yang berkaitan dengan fungsi bahasa dalam komunikasi ialah pewarisan sistem nilai, pandangan sarwa atau pandangan hidup, dan unsur kebudayaan sesuatu masyarakat dari generasi ke generasi. Di samping itu, dalam semua aspek yang berkaitan dengan peranan bahasa dalam komunikasi, anggota masyarakat perlu menguasai sistem bahasa. Tanpa penguasaan sistem bahasa, komunikasi pasti akan terjejas. Sistem bahasa meliputi aspek mekanik bahasa yang meliputi aturan sebutan, tulisan (termasuk ejaan dan tanda baca), kosa kata, makna, dan tatabahasa. Aspek keduanya ialah aspek dinamik bahasa termasuk pemilihan kata (diksi), penggunaan ungkapan, pemilihan jenis dan pola ayat yang berkesan, dan gaya bahasa. Yang menjadi persoalan dan permasalahan sejak dahulu sehingga sekarang ialah penguasaan kedua-duanya dalam kalangan pengguna bahasa di negara ini belum mencapai tahap yang memuaskan kendatipun negara telah mencapai kemerdekaan sejak 58 tahun yang lalu.



Bahasa Melayu berfungsi untuk mengukuhkan perpaduan di antara pelajar berbilang kaum.

Bahasa Melayu telah mengalami banyak perubahan semenjak negara mencapai kemerdekaan. Perbendaharaan katanya meningkat dan gaya penyampaiannya disesuaikan dengan peranannya yang semakin besar dan mencabar. Sistem bahasa diperkemas supaya lebih sempurna dan teratur. Penerbitan dalam bahasa Melayu dipergiat dan penggunaannya ditekankan secara meluas oleh pihak kerajaan. Ironinya, penggunaannya didapati sentiasa dicemari oleh kesalahan dan kejanggalan yang meluas dalam banyak aspek kehidupan seharian. Antaranya termasuklah kesalahan ejaan dan imbuhan, kesalahan perkataan dan istilah, tatabahasa, penggunaan bahasa rojak, bahasa media sosial, bahasa bual maya, dan peminggiran taraf bahasa itu sendiri dengan menggantikannya dengan bahasa asing.

Sebagai contoh, masih banyak pihak yang masih tidak dapat mengeja sesuatu perkataan dengan betul, sedangkan rujukan yang sah dan absah dapat dilakukan melalui penggunaan kamus. Jika kita meninjau papan tanda perniagaan atau papan iklan, kesalahan ejaan sangat mudah ditemukan seperti *perabot*, *mee*, *snooker*, *motosikal*, dan *kerinting* walhal ejaan yang betul ialah *perabot*, *mi*, *snuker*, *motosikal* dan *keriting*. Siapakah yang harus dipersalahkan dalam hal ini? Pihak yang mempunyai peranan mestilah bertindak tegas tetapi berhemah. Barangkali masyarakat tidak diberikan pendedahan tentang ejaan yang betul dan sikap sambalewa serta tidak mahu berubah mestilah ditangani. Sistem ejaan bahasa kita mempunyai pola dan panduan yang telah mantap. Guru-guru bahasa

didapati sering mengeluh tentang hasil penulisan murid yang banyak mengandungi kesalahan ejaan. Kesilapan ketika menulis sesuatu perkataan, sama ada perlu dieja rapat atau dipisahkan, khususnya melibatkan ejaan kata majmuk, frasa nama dan kata ganda dapat ditangani sekiranya semua pengguna bahasa mengetahui penentuan jenis sesuatu kata. Misalnya, ejaan kata majmuk seperti *olahragga*, *bertausaha* dan *tandatangan* yang dieja sebagai *terpisah* mestilah dapat dibezakan dengan kata majmuk yang dieja terpisah seperti *urus setia*, *atur cara* dan *kereta api*. Ada pengguna yang masih tidak mengetahui bahawa kata ganda mesti diletakkan tanda sempang dan ada sebilangan perkataan seperti *bukit bukau*, *sampah sarap*, *semak samun* dan *jimat cermat* tidak perlu tanda sempang kerana tidak termasuk dalam golongan kata ganda. Tanda sempang turut dimanfaatkan sekiranya kita ingin memisahkan huruf dengan angka dan sebaliknya seperti ke-25 dan 70-an.

Kesalahan dari segi penggunaan imbuhan memang masih menjadi kekangan dalam usaha untuk memantapkan bahasa Melayu. Didapati masih banyak pihak yang keliru antara pekarangan dengan perkarangan, pertukaran dengan penukaran dan pertambahan dengan penambahan. Dalam ayat yang ditulis, kesalahan untuk membezakan penggunaan imbuhan seperti *menghadiahkan* dengan *menghadiah*, *mengutuskan* dengan *mengutusi* dan *membeli* dengan *membelikan* sangat mudah untuk ditemukan. Keadaan ini berlaku kerana pengguna bahasa tidak mendalami aspek morfologi dengan baik

dan secara khususnya, tidak mengetahui perbezaan makna bagi setiap perkataan. Perkataan terbitan yang tidak tepat seperti memperdalam, memperkuasai, memperhalusi dan memperbaiki hendaklah dielakkan kerana dianggap lewah, namun sangat menyedihkan apabila perkataan yang tidak tepat ini paling banyak ditulis atau dituturkan. Soal imbuhan sangat kompleks dan untuk memahaminya bukanlah sesuatu yang mudah, namun dalam hal ini, untuk memartabatkan dan memperkukuh penggunaan bahasa yang betul dan berkesan, suatu daya perlu digerakkan untuk memastikan kelangsungan bahasa yang baik dapat diteruskan.

Perkara yang paling dominan apabila kita memperkatakan soal kepersisan bahasa ini ialah kesalahan tatabahasa yang berkaitan dengan morfologi dan sintaksis. Selain isu kesalahan ejaan dan imbuhan, ayat yang dituturkan atau dibina didapati masih banyak mengandungi kesilapan. Ayat-ayat di bawah menjadi contoh kesalahan tatabahasa yang berlaku.

**Jadual 1** Contoh kesalahan tatabahasa

- 1) Dia menangis **bila** memikirkan keadaan ibunya yang sedang sakit.
- 2) **Tolong jangan** bersandar pada dinding yang kotor itu.
- 3) Mereka tidak bersetuju **di dalam** perkara itu.
- 4) Pihak kami mengucapkan terima kasih **di atas** sumbangan tuan.
- 5) **Di antara** lagu yang disampaikan oleh penyanyi itu ialah lagu nasyid.
- 6) Mereka bermain bola sepak **di** masa lapang.
- 7) Anggota keselamatan bertugas **demi untuk** negara yang tercinta.
- 8) **Selain daripada** badminton, pemuda itu turut meminati bola keranjang.
- 9) Bas **yang mereka naiki** terbabas kerana tayarnya pancit.
- 10) Masyarakat perlulah saling **hormat-menghormati** untuk mengukuhkan perpaduan kaum.

Ayat-ayat tersebut mengandungi kesalahan tatabahasa yang ketara, namun didapati masih banyak pihak yang memandang perkara ini secara enteng. Barangkali mereka beranggapan bahawa kesilapan seperti itu tidak menjejaskan komunikasi dan maksud yang hendak disampaikan. Oleh hal yang demikian, mereka tidak berasa melakukan kesalahan dan akhirnya, sesuatu kesilapan yang dibiarkan akan menjadi duri dalam daging dalam usaha untuk mengangkat bahasa kepada tahap yang lebih mengujakan. Aspek kesalahan tatabahasa ini hendaklah difokuskan kerana sekiranya dibiarkan, mutu dan kualiti bahasa Melayu akan terus dikesampingkan dan akhirnya bahasa ini tidak mampu untuk mencapai taraf sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu yang baik. Ayat-ayat tersebut, apabila telah dibetulkan, seharusnya menjadi panduan dan pedoman kepada penggunaan bahasa untuk memastikan bahasa yang seindah bahasa Melayu dapat dipertahankan dan diperkukuh.\*

**Jadual 2** Penggunaan tatabahasa yang betul

- 1) Dia menangis **apabila** memikirkan keadaan ibunya yang sedang sakit.
- 2) **Jangan** bersandar pada dinding yang kotor itu.
- 3) Mereka tidak bersetuju **dalam** perkara itu.
- 4) Pihak kami mengucapkan terima kasih **atas** sumbangan tuan.
- 5) **Antara** lagu yang disampaikan oleh penyanyi itu **termasuklah** lagi nasyid.
- 6) Mereka bermain bola sepak **pada** masa lapang.
- 7) Anggota keselamatan bertugas **untuk** negara yang tercinta.
- 8) **Selain** badminton, pemuda itu turut meminati bola keranjang.
- 9) Bas **yang dinaiki oleh mereka** terbabas kerana tayarnya pancit.
- 10) Masyarakat perlulah saling **menghormati** untuk mengukuhkan perpaduan kaum.

Dari segi penggunaan bahasa yang lebih dekat dengan masyarakat, iaitu bahasa dalam ranah pengiklanan, didapati bahawa masih banyak kesalahan yang berlaku. Bahasa iklan merupakan bahasa yang "berisi" atau "padat". Oleh sebab tujuan utama iklan adalah untuk menarik perhatian dan memujuk supaya pengguna menyukai produk yang ditawarkan, maka fungsi utama bahasa iklan adalah untuk mengubah kemahuan, pendapat, dan sikap pengguna supaya bertindak mendapatkan barangan tersebut. Perkataan yang luar biasa dan "bergaya", ayat yang pendek dan mudah diulangi dan diingat, digunakan untuk mendapatkan kesan ini. Bagi karyawan iklan, untuk mencapai matlamat yang disasarkan, apa-apa cara akan digunakan, termasuklah mengabaikan penggunaan bahasa yang betul. Percampuran ragam bahasa basahan dengan bahasa baku dalam ranah ini mengakibatkan bahasa Melayu kehilangan darjat dan citra. Keadaan ini bukan sahaja berlaku dalam urusan pentadbiran, penyiaran, dan pendidikan, malahan dalam bidang pengiklanan, didapati ada pengiklan yang menerapkan unsur bahasa yang kurang sihat ini untuk menarik perhatian pelanggan.

Bahasa Melayu sebagai bahasa iklan di tempat awam hendaklah memiliki ciri-ciri bahasa yang berkualiti tinggi dari segi isi dan bentuknya. Dengan kata lain, bahasa Melayu dalam iklan hendaklah memiliki ciri-ciri seperti penggunaan bahasa Melayu yang betul tatabahasa dan ejaannya, tulisan bahasa Melayu betul menurut khat rumi atau jawi, menggunakan istilah atau ungkapan yang tepat bagi jenis aktiviti dan bahasa yang indah, canggih, kreatif, dan persis. Antara masalah yang timbul ialah kualiti bahasa yang digunakan oleh para pengiklan. Yang lebih mendukacitakan ialah pengiklan langsung tidak mengutamakan bahasa Melayu, dan dalam hal ini penggunaan bahasa asing seperti bahasa Inggeris menguasai setiap inci pada papan iklan atau papan tanda.

Oleh sebab bahasa perlu ditegaskan dengan semangat jati diri yang kukuh, keadaan yang tidak seharusnya berlaku dengan sendirinya memerihalkan

kepincangan dari segi semangat dan nilai kebangsaan yang perlu dipupuk. Telah terlalu banyak isu bahasa dalam media sosial diperdebatkan dan dibahaskan. Isu bahasa sistem pesanan ringkas dan bahasa slanga yang menjadi ikutan para remaja masih lagi berkumandang dan seolah-olah tiada noktahnya. Isu bahasa dalam media ini memang tidak akan terhenti selagi masyarakat tidak disedarkan dengan bersungguh-sungguh tentang kepentingan bahasa kebangsaan. Kita tidak boleh lagi mengharapkan perubahan akan berlaku dengan sendirinya melainkan tindakan yang lebih tegas dan bersistem hendaklah digerakkan. Percampuran antara bahasa basahan dengan bahasa standard dalam urusan yang rasmi sifatnya bukanlah sesuatu yang seharusnya dianggap "biasa" dan perlu ditangani segera. Semua pihak perlulah mendidik diri sendiri dan masyarakatnya untuk melakukan anjakan pemikiran dan tindakan. Tanpa perubahan daripada diri sendiri, perubahan yang diharap-harapkan akan tinggal impian yang tidak akan terlaksana.

Sebagai kesimpulan, dapatlah dirumuskan bahawa banyak perkara yang perlu diberikan perhatian dan diambil tindakan untuk mengatasi masalah pencemaran dan pemencilan penggunaan bahasa Melayu dalam semua ranah. Tindakan segera dan perhatian serius daripada semua pihak diharapkan dapat memulihkan peranan dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di negara ini. Penegasan, pengukuhan, dan penjelasan yang lebih baik yang berkaitan dengan perkara ini hendaklah disejajarkan, apatah lagi mutakhir ini, gelombang kesedaran terhadap penggunaan bahasa kebangsaan semakin dibicarakan dan diendahkan. Makalah ini diakhiri dengan satu ungkapan yang menarik daripada David Crystal, ahli sosiolinguistik Barat yang menyatakan bahawa "sesuatu bahasa itu akan terus hidup selagi penutur dan penggunanya berbangga dengannya serta kreatif menggunakannya". Lantaran itu, gunakanlah dan manfaatkanlah bahasa kebangsaan kita dengan sebaik-baiknya. **PB**